

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1989/90

Oktober/November 1989

RPE 456 Ekonomi Bandar dan Wilayah

Masa : (3 Jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. SEMENANJUNG MALAYSIA : PENDUDUK DAN PERBANDARAN

TAHUN	JUMLAH PENDUDUK	PENDUDUK BANDAR	
		JUMLAH	%
1931	3,788,000	570,513	15.1
1947	4,908,000	929,928	18.9
1957	6,268,000	1,666,969	26.6
1970	9,147,000	2,638,000	28.8
1980	11,849,000	4,148,000	35.0

- (a) Jadual di atas menunjukkan kadar pembandaran di Semenanjung Malaysia.

Mengapakah peningkatan kadar pembandaran (urbanisasi) sebegini berlaku?

(8 Markah)

- (b) Huraikan kesan-kesan negatif dan positif yang timbul akibat daripada keadaan ini.

(8 Markah)

...2/-

(c) Jika dikatakan,


$$\text{Pertumbuhan bandar} = \text{pertumbuhan semulajadi} + \text{penghijrahan penduduk}$$

Bincangkan kebenaran kenyataan yang mengatakan bahawa tanpa proses pempandaran (urbanisasi), pertumbuhan bandar akan tetap berlaku.

(9 Markah)

2. (a) (i) Kemajuan Teknologi,
(ii) Jumlah Penduduk, dan
(iii) Taraf pendapatan penduduk berubah mengikut masa.

Ketiga-tiga elemen ini akan mempengaruhi gunatanah di kawasan bandar. Berdasarkan kepada rajah di bawah, bincangkan perubahan-perubahan yang akan berlaku kepada gunatanah di bandar sekiranya peningkatan/pertambahan terjadi kepada ketiga-tiga elemen ini.



Petunjuk

- O Pusat Bandar
AB Keluk bida-sewa gunatanah sedia ada.

(15 Markah)

(b) Berdasarkan kepada huraian kamu di (a1), bincangkan kebenaran kenyataan ini:

"Harga tanah/rumah adalah lebih tinggi di bandar-bandar besar daripada di bandar-bandar kecil".

(10 Markah)

3.

TAHUN	INDUSTRI	WILAYAH		NASIONAL
		A	B	
1980	Perusahaan Perlombongan	50	150	200
		50	350	400
1990	Perusahaan Perlombongan	100	400	500
		300	200	500

(a) Terangkan ungkapan berikut:-

$$\begin{matrix} \text{Pertumbuhan} & = & \text{Syif} & + & \text{Syer} \\ \text{Wilayah} & & \text{Wilayah} & & \text{Wilayah} \end{matrix}$$

(5 Markah)

(b) Berdasarkan kepada jadual di atas, kirakan nilai ketiga-tiga komponen syif iaitu syif total, syif perbezaan dan syif perkadaran untuk kedua-dua wilayah.

(15 Markah)

(c) Apakah rumusan yang boleh diperolehi daripada keputusan-keputusan ini? (Pertimbangan harus diberikan kepada, kadar pertumbuhan wilayah, berbanding dengan di peringkat nasional).

(5 Markah)

4. (a) Seorang ahli perancang berpendapat bahawa konsep kutub pertumbuhan TIDAK sesuai untuk digunakan di negara membangun seperti di Malaysia. Apa pendapat kamu?

(15 Markah)

(b) Jelaskan faktor-faktor utama yang mempengaruhi ketakseimbangan wilayah.

(10 Markah)

...4/-

5. (a) Huraikan sejauh manakah faktor-faktor ekonomi mempengaruhi lokasi sesebuah industri.
(10 Markah)
- (b) Sesebuah industri/firma menikmati berbagai faedah apabila berkelompok tanpa menyedari kesan-kesan negatif yang akan wujud akibat perkelompokan tersebut. Bincangkan kesan-kesan ini.
(10 Markah)
- (c) Terangkan ungkapan-ungkapan berikut:
 (i) Berat Unggul
 (ii) Ambang permintaan (Threshold of Demand)
 (iii) Saiz optimum bandar
 (5 Markah)

6.

Belian Jualan	Industri			Permintaan Akhir
	Tani	Lombong	Khidmat	
Tani	0	200	100	200
Lombong	300	150	250	300
Khidmat	100	300	100	0
Isirumah	100	350	50	0

Dengan merujuk kepada jadual di atas,

- (a) Kirakan jumlah output untuk setiap sektor dan nilai koefisyen untuk matriks A.
(5 Markah)
- (b) Katakan pertambahan jualan berlaku di dalam sektor industri sebagai berikut:

<u>Industri</u>	<u>Pertambahan Jualan</u>
Tani	200
Lombong	200
Khidmat	0

Kirakan kesan pertambahan ini. Bandingkan dan rumuskan keputusan-keputusan yang diperolehi.

(15 Markah)

(c) Nyatakan DUA (2) kelemahan analisis input-output.

(5 Markah)

-ooo000ooo-